

81

NO SOALAN : 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 26.10.17  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian Pertahanan akan memperkenalkan insurans nyawa wajib kepada semua warga ATM yang dalam perkhidmatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mewujudkan skim insuran yang dikenali sebagai Skim Takaful Berkelompok Angkatan Tentera Malaysia (STB ATM) kepada semua warga ATM. Skim ini diperkenalkan bagi membantu meringankan beban anggota dan waris apabila mereka terlibat dalam kemalangan yang mengakibatkan kecederaan, kecacatan kekal atau kematian.

Skim ini hanya memerlukan bayaran premium bulanan serendah RM 4.50 seunit untuk pampasan perlindungan sebanyak RM 15,000 bagi setiap unit. ATM telah menetapkan had minimum bagi pegawai adalah sebanyak 5 unit dan bagi anggota LLP adalah 3 unit sehingga mencapai jumlah maksimum sebanyak 15 unit.